

## Press Clipping

Client: Port Klang Free Zone

Publication: Utusan Malaysia – Colour  
Ekonomi, P. 19 (1 of 1)

Date: November 1, 2006

RABU 1 NOVEMBER 2006

# Ekonomi

# PKFZ mula beroperasi penuh

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

**KLANG** 31 Okt. – Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), zon bebas bagi perindustrian dan komersial bersepadu pertama di Malaysia yang bernilai RM2.2 bilion, akan beroperasi sepenuhnya esok.

PKFZ adalah sebuah pusat pengedaran dan penyatuan kargo antarabangsa seluas lebih 400 hektar yang terletak bersebelahan dengan Westports.

Serentak dengan pembukaannya, kompleks Kastam Diraja Malaysia yang juga menempatkan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Imigresen, turut mula beroperasi.

Fasa pertama zon bebas yang dibangunkan sejak dua tahun lalu itu kini dilengkapi dengan empat kompleks lapan tingkat dengan ruang pejabat, pejabat PKFZ, 512 unit gudang serta kilang bagi industri ringan dan tapak industri.

Sebuah hotel yang menawarkan 135 buah bilik dan pusat pameran sedang dibina. Ia dijangka siap akhir tahun ini.

Seluruh kawasan itu juga dilengkapi dengan kemudahan bekalan air, elektrik, sistem perparitan dan telekomuni-

## PKFZ akan menjadi penggerak pertumbuhan Pelabuhan Klang dan Pusat Muatan Negara

**NOEL GULLIVER**  
Pengurus  
Besar PKFZ

kasi termasuk jalur lebar.

Pengurus Besar, Port Klang Free Zone Sdn. Bhd., Noel Gulliver berkata, walaupun baru beroperasi esok, PKFZ telah menerima pelabur pertamanya, Aker Kvaerner, sebuah syarikat minyak dan gas berpangkalan di Norway.

### Menyewa

Syarikat itu telah menyewa tanah seluas 27.6 hektar untuk membina bangunannya.

Gulliver memberitahu, setakat ini lima peratus daripada 512 unit gudang dan kilang telah disewakan.

Beliau memberitahu, pihaknya sedang dalam rundingan akhir untuk muktamad perbincangan dengan lima pelabur untuk menyewa 28 hektar lagi kawasan di tapak tersebut.

Sementara itu, 10 lagi pelabur berminat untuk menyewa 14 unit gudang dan

kilang manakala empat syarikat mahu menyewa kompleks pejabat.

"Saya yakin jumlah ini dapat ditingkatkan menjelang akhir tahun ini," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan media ke kawasan itu hari ini.

Ini kerana, katanya, PKFZ yang terletak berhampiran dua pelabuhan utama, Westports dan Northport, telah diwartakan sebagai zon bebas bagi membolehkan aktiviti komersial dan pembuatan berjalan serentak.

"PKFZ akan menjadi penggerak pertumbuhan Pelabuhan Klang dan Pusat Muatan Negara sebelum ia berkembang sebagai pusat perdagangan import-eksport yang menyediakan kemudahan setempat," ujarnya.

PKFZ yang dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Pelabuhan Klang direka bentuk dan diuruskan oleh syarikat pengendali pelabuhan di Dubai, JAFZA International untuk tempoh 15 tahun.



NOEL GULLIVER